

15 APR 2003

Schroeder-Malaysia

LAWATAN SCHROEDER LAMBANG HUBUNGAN ULUNG JERMAN-MALAYSIA

Oleh: Manik Mehta

BERLIN, 15 April (Bernama) -- Lawatan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder, ke Malaysia bulan depan merupakan satu bukti tentang hubungan yang amat baik antara kedua-dua negara, kata Duta Malaysia di Berlin, Datuk Abdul Kadir Deen.

Beliau berkata Schroeder akan diiringi Menteri Ekonomi, Wolfgang Clement, dan satu delegasi besar ahli perniagaan dalam lawatan dari 10 hingga 17 Mei, yang juga meliputi Singapura, Indonesia dan Vietnam.

Abdul Kadir, 59, yang juga ditauliahkan ke Switzerland dan Greece, telah berkhidmat di Jerman selama empat tahun. Beliau dijadual bersara dan pulang ke tanah air pada akhir April ini, tetapi disebabkan oleh lawatan Schroeder itu, beliau diminta berkhidmat sehingga Mei ini.

Katanya tempoh perkhidmatannya selama empat tahun di Jerman merupakan satu tugas yang menakjubkan, dan misi yang terbaik sebelum beliau bersara.

"Saya mempunyai beberapa kenalan rapat di sini dan saya akan terus berhubung dengan mereka," katanya.

Abdul Kadir berkata Jerman merupakan satu negara menarik bagi diplomat Malaysia untuk berkhidmat kerana kedudukannya sebagai ekonomi ketiga terbesar di dunia.

Hubungan rapat Malaysia dengan Jerman juga dapat dilihat menerusi pendirian masing-masing dalam isu antarabangsa seperti semasa perbahasan mengenai pencerobohan Amerika Syarikat di Iraq.

"Pendirian kita hampir serupa dengan Jerman dan Perancis. Kita menyokong dan akan terus menyokong peranan Bangsa-bangsa Bersatu di Iraq.

"Kita juga menyokong pendirian terbaru Perancis-Jerman-Rusia bahawa Bangsa-bangsa Bersatu seharusnya dibenarkan memainkan peranan besar di Iraq selepas tamat pencerobohan," katanya.

Abdul Kadir berkata beliau amat gembira kerana Jerman telah menjadi pelabur terbesar di kalangan negara-negara Eropah di Malaysia dan rakan kongsi utamanya dari Kesatuan Eropah, malah mengatasi Britain.

Nilai dagangan antara Malaysia dan Jerman pada masa ini ialah RM18 bilion.

Satu lagi sebab kenapa beliau gembira dengan tugasnya di Jerman ialah minat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap negara itu.

Abdul Kadir berkata satu-satunya perkara yang beliau rasa kecewa semasa berada di Jerman ialah beliau tidak berkesempatan mempelajari bahasa Jerman.

"Ini mungkin disebabkan ramai di sini fasih berbahasa Inggeris, yang membuatkan seseorang diplomat itu tidak begitu bersungguh-sungguh untuk mempelajari bahasa Jerman," katanya.

Ditanya tentang rancangan selepas persaraannya, Abdul Kadir berkata beliau berharap untuk melakukan sesuatu untuk memenuhi masa lapangnya.

"Saya masih mencari-cari," katanya.

-- BERNAMA

MM MFJ MAI